

Headline **Program Bakti Siswa IPTA ditangguhkan sementara**  
Date **26. Feb 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **31**  
Section **Pendidikan** Article Size **328** cm2  
Circulation **217991** Frequency **Daily**  
Readership **762968** Color **Full Color**



# Program Bakti Siswa IPTA ditangguhkan sementara

Khidmat masyarakat ditunda elak salah anggap sebagai kempen pilihan raya

**K**EMENTERIAN Pengajian Tinggi mengarahkan semua program Bakti Siswa dan khidmat masyarakat pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ditangguhkan berkuat kuasa 12 Februari lalu hingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan.

Arahan itu dibuat Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Hassan Said, menerusi pekeliling bertarikh 12 Februari yang diedarkan kepada pejabat Naib Canselor 20 IPTA terbabit untuk tindakan lanjut.

Hassan berkata, keputusan itu dibuat bagi mengelakkan masyarakat tersalah anggap kehadiran pelajar IPTA menjalankan program khidmat masyarakat di kawasan mereka sebagai sebahagian kempen pilihan raya umum.

"Kementerian meminta semua IPTA menangguhkan program kemasyarakatan luar kampus membabitkan pelajar dalam kehangatan kempen Pilihan Raya Umum Ke-12 bagi menge-

lakkan disalah erti sebagai sebahagian kegiatan kempen pilihan raya.

"Ia juga bertujuan memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terjamin. Kita tidak mahu pelajar terbabit tercedera jika ditakdirkan terjadi kekecohan sempena kempen pilihan raya yang kebetulan berlaku di lokasi pelajar menjalankan khidmat masyarakat.

"Tarikh pemansuhan penangguhan yang dijangka paling awal sejurus selepas pilihan raya selesai, akan dimaklumkan kemudian," katanya ketika dihubungi semalam.

Mengulas mengenai kesedaran pelajar IPTA menunaikan hak mereka sebagai pengundi, Hassan berkata, kementerian sentiasa memberi galakan pelajar yang layak menunaikan tanggung jawab itu.

"Kami galakkan pelajar yang layak, pulang bercuti untuk mengundi dan terpulang kepada mereka memilih calon atau parti mana mereka hendak undi.

"Saya percaya pengurusan universiti tidak akan menyekat hak pelajar untuk berbuat demikian dan berse-

dia memberi pelepasan cuti kepada mereka yang ingin pulang mengundi di negeri masing-masing," katanya.

Sementara itu, beberapa wakil pengurusan IPTA terbabit menyatakan kesediaan akur dengan arahan itu, selain mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan pelajar tidak menyertai sebarang parti politik atau berkempen untuk mana-mana calon pada pilihan raya itu kerana tindakan mereka bertentangan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof Dr Muhamad Rasat Muhamad, berkata arahan kementerian menangguhkan program kemasyarakatan pelajar itu tidak akan menjejaskan usaha universiti memperluas jaringan dengan masyarakat.

"Pelajar kami baru saja selesai menjalankan program mega khidmat masyarakat iaitu Projek Seminar Pendidikan Kebangsaan yang berlangsung di seluruh negara.

"Dengan penangguhan ini, pelajar boleh menumpukan kepada pembelajaran mereka untuk menghadapi peperiksaan akhir semester April de-

pan, sebelum bergiat aktif semula dalam program luar kampus," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pihaknya memantau pergerakan semua pelajar bagi memastikan mereka tidak terbabit dengan parti politik menerusi penubuhan jawatankuasa pemantau termasuk di kampus cawangan.

"Kami sudah mengeluarkan notis peringatan melarang pelajar menyertai aktiviti kempen pilihan raya serta menjalankan tugas pemantauan menerusi jawatankuasa khas yang dikawal selia bahagian Hal Ehwal Pelajar," katanya ketika ditemui.

Universiti Putra Malaysia pula turut mengeluarkan notis peringatan melarang pembabit kakitangan dalam kegiatan politik atau perhimpunan tidak sah sebarang parti politik sempena pilihan raya umum bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Tatatertib Universiti di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).